

# Perjanjian penyelesaian Goldman Sachs diteliti

Anwar setuju pandangan ketua pasukan petugas khas 1MDB

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pasukan petugas khas 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang ditubuhkan kerajaan sebelum ini sedang meneliti semula perjanjian penyelesaian Goldman Sachs dengan kerajaan berkaitan syarikat itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau bersetuju dengan pandangan ketua pasukan berkenaan yang juga Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani supaya penyelesaian kerajaan dengan Goldman Sachs bernilai AS\$2.5 bilion (RM10.7 bilion) sebelum ini diteliti semula.

"Johari sedang tumpu dan dalam maklumat awal, nampak ia masih berpandangan bahawa harus dirungkai semula perjanjian dengan Goldman Sachs.

"Saya setuju kerana pada awal saya anggap (penyelesaian 1MDB) ini dibuat secara tergo-poh-gapah dan timbul banyak persoalan oleh kelompok yang awal dahulu," katanya.



Anwar melihat Karya Agung Sayr Al-Salikin dan Hikayat Iskandar Zulkarnain sambil diperhatikan Fadlina pada majlis pelancaran buku berkenaan di Wisma DBP, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

Terdahulu beliau berucap pada Majlis Pelancaran Karya Agung Sayr Al-Salikin dan Hikayat Iskandar Zulkarnain di Wisma DBP di sini, semalam.

Sebelum ini, media melaporkan Johari berkata, Goldman Sachs mengambil kesempatan daripada rundingan lemah kerajaan Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk tangguh pembayaran sejumlah besar yang masih terhutang kepada Putrajaya di bawah per-

janjian penyelesaian dimeterai lebih daripada dua tahun lalu.

Mengulas lanjut Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, dalam soal penyelesaian dengan firma pelaburan Abu Dhabi, International Petroleum Investment Company (IPIC) contohnya, kerajaan berjaya meraih penyelesaian dengan jumlah lebih tinggi, AS\$1.8 bilion (RM7.9 bilion).

IPIC dan Aabar Investments PJS (Aabar PJS) sebelum ini ber-

setuju membayar AS\$1.8 bilion kepada Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan 1MDB.

Sementara itu, Anwar berkata, fungsi dan peranan pasukan petugas khas itu sudah pun berjalan dengan ada beberapa wakil serta pengarah sudah dilantik.

Dalam pada itu, Anwar juga berkata, kerajaan meluluskan peruntukan tambahan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Yayasan Karyawan bagi meningkatkan usaha menerbitkan karya bermanfaat kepada negara.

Peruntukan tambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan RM20 juta diberi kepada DBP seperti diumumkan menerusi Belanjawan 2023 sementara RM5 juta lagi diberi kepada Yayasan Karyawan.

Yang turut hadir Menteri Pendidikan, Fadlina Sidek; Pengerusi Lembaga Pengeloaia DBP, Prof Datuk Seri Dr Awang Sariyan dan Pemegang Amanah Yayasan Karyawan, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, warga karyawan perlu terus giat menggali sumber dan bahan untuk menghasilkan karya berkualiti tinggi dan boleh dijadikan rujukan masa depan.

Katanya, Yayasan Karyawan juga perlu berperanan mempopularkan karya dihasilkan mereka supaya menjadi tatapan dan rujukan generasi yang ada.